

**KETUA-KETUA JABATAN
FAKULTI PERUBATAN
UKM (KAMPUS KUALA LUMPUR)**

YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN TENTANG TEMPOH SEMAKAN PERJANJIAN PENYELIDIKAN/
PERJANJIAN 'CLINICAL TRIAL' FAKULTI PERUBATAN**

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan tentang tempoh semakan Perjanjian Penyelidikan/ Perjanjian 'Clinical Trial' di peringkat Fakulti Perubatan adalah seperti berikut:

- a) **Semakan Pertama** Perjanjian Penyelidikan/ Perjanjian 'Clinical Trial' – **Tujuh hari (7)** bekerja daripada tarikh surat rasmi dan perjanjian lengkap diterima oleh Pejabat Undang-Undang, Kampus Kuala Lumpur daripada Sekretariat Penyelidikan Perubatan & Inovasi (SPPI), Fakulti Perubatan.
- b) **Semakan Kedua** Perjanjian Penyelidikan/ Perjanjian 'Clinical Trial' – **Lima hari (5)** bekerja daripada tarikh deraf Perjanjian Penyelidikan/ Perjanjian 'Clinical Trial' dikembalikan oleh Penyelaras untuk semakan kedua.

3. Hanya Perjanjian Penyelidikan/ Perjanjian 'Clinical Trial' yang diterima daripada Sekretariat Penyelidikan Perubatan & Inovasi sahaja yang akan disemak oleh Pejabat Undang-Undang, Kampus Kuala Lumpur. Pihak kami berharap tempoh penyemakan yang disingkatkan ini dapat menyegerakan proses menandatangani Perjanjian Penyelidikan/ Perjanjian 'Clinical Trial' di Fakulti Perubatan.

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan perkara ini boleh berhubung terus dengan Puan Ummu Farah Binti Fais, Pegawai Undang-undang yang ditempatkan di Fakulti Perubatan di talian 03-94506966 atau melalui emel di alamat ummufarahfais@ukm.edu.my.

Sekian, dimaklumkan.

Yang benar,


PROF. DR. RAJA AFFENDI RAJA ALI
Dekan Fakulti Perubatan
Universiti Kebangsaan Malaysia



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 01100

Sekretariat Pentadbiran Fakulti Perubatan, Pusat Perubatan UKM
Tingkat 2, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia.

Telefon: +603-91455019/5020/5024/5747 Faksimili: +603-91456646 Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.edu.my/fper>